

# HUBUNGAN OBJEK DAN KATA KERJA TRANSITIF MEN-...-KAN: ANALISIS DATA KORPUS BERKOMPUTER<sup>1</sup>

*Zaharani Ahmad dan Mohd Ra'in Shaari*

## Abstrak

Makalah ini membincangkan hubungan nahu antara kata kerja transitif meN-kan dengan objek dalam bahasa Melayu. Penahu-penahu tersohor seperti Za'ba (1965), Asmah Haji Omar (1993) dan Nik Safiah Karim *et al.* (1997) bersependapat bahawa setiap kata kerja transitif wajib diikuti oleh objek sebagai penyambut. Asraf (1989) pula menyatakan bahawa kata kerja transitif dan objek tidak boleh dipisahkan atau disisipkan oleh mana-mana unsur lain kerana bentuk frasa kerja transitif merupakan bentuk terikat. Berbeza daripada pandangan Asraf (1989), makalah ini cuba menunjukkan dan menjelaskan bahawa masih terdapat unsur-unsur lain yang boleh memisahkan kata kerja transitif dengan objeknya. Berdasarkan data korpus berkomputer, didapati bahawa sekurang-kurangnya terdapat dua unsur yang boleh memisahkan kata kerja transitif dan objek, iaitu kata sendi nama dan kata keterangan. Secara tidak langsung, ini membolehkan struktur Kata Kerja Transitif + Kata Sendi Nama + Objek dan Kata Kerja Transitif + Kata Keterangan + Objek terhasil dalam bahasa Melayu. Bagi menjelaskan perilaku dua struktur ini, penulis akan menggunakan kerangka teori Relevans dan Transformasi Generatif yang diaplikasikan secara eklektik.

## Abstracts

*This paper discusses the grammatical relation between a meN-kan transitive word and its object. Renowned Malay grammarians such*

<sup>1</sup> Makalah ini asalnya ialah kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan pada 14–16 Disember 2004, di Universiti Kebangsaan Malaysia. Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada para peserta yang telah memberikan cadangan dan pandangan yang membina terhadap kertas ini. Sekiranya masih terdapat kekurangan, maka kekurangan itu adalah kelemahan penulis sendiri.

*as Za'ba (1965), Asmah Hj. Omar (1993) and Nik Safiah Karim et al. (1997) agree that every transitive word must be followed by an object. Asraf (1989) strongly claimed that the transitive word and its object cannot be separated or intervened by any element because the transitive verb phrase is a bound structure. In contrary, this paper attempts to argue and demonstrate that there are certain elements, which can separate the transitive verb and its object. Based on a data-based corpus, it is observed that at least there are two elements, which can break up the verb and its objects, namely a preposition and an adverb word. This in turn generates the following structures: Transitive Verb + Preposition + Object and Transitive Verb + Adverb Word + Object in Malay. In order to explain the behaviour of these structures, we use an eclectic approach by adopting the theoretical framework of Relevances and Transformational Grammar.*

## PENDAHULUAN

Pada umumnya, kesemua penahu bahasa Melayu yang tersohor seperti Za'ba (1965), Nik Safiah Karim *et al.* (1997), Asmah Haji Omar (1993) dan Abdullah Hassan (1986) telah bersepakat bahawa setiap kata kerja transitif (seterusnya KKT) wajib diikuti oleh objek sebagai penyambut. Asraf (1989) menyatakan bahawa KKT dan objek tidak boleh dipisahkan atau disisipkan oleh sebarang unsur atau perkataan. Hal ini telah ditegaskan oleh Asraf (1989:174), iaitu "oleh sebab bentuk frasa kerja transitif itu merupakan bentuk terikat, kata atau kata-kata lain tidak boleh disisipkan di antara kata kerja transitif dengan frasa nama yang menjadi objek".

Berbeza daripada pendapat Asraf di atas, makalah ini cuba memaparkan fenomena kehadiran unsur-unsur tertentu yang boleh memisahkan KKT dengan objeknya. Berdasarkan tinjauan terhadap data korpus berkomputer, didapati bahawa sekurang-kurangnya terdapat dua unsur yang boleh hadir untuk memisahkan KKT dan objek, iaitu unsur kata sendi nama (seterusnya KSN) dan kata keterangan. Data yang dianalisis dalam kajian ini dipetik daripada data korpus berkomputer Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur daripada jenis akhbar *Berita Harian* bagi bulan Disember tahun 2002. Bagi menjelaskan perilaku morfo-sintaksis imbuhan KKT meN-kan ini, penulis akan menggunakan teori Relevans dan teori Transformasi Generatif yang akan diaplikasikan secara eklektik.

## Kerangka Teori

Seperti yang telah dinyatakan, kajian ini menerapkan dua kerangka teori secara eklektik, iaitu teori Relevans dan teori Tranformasi Generatif. Teori Relevans mencakupi fakta tentang pembentukan dan pemilihan konteks serta prinsip Relevans. Prinsip asas teori Relevans ialah setiap manusia berkomunikasi dengan berorientasikan relevan (Nor Hashimah Jalaluddin, 1992:33). Teori ini menekankan tiga gagasan utama, iaitu konteks, kesan konteks dan usaha memproses. Semakin banyak kesan konteks diperoleh, maka semakin kurang usaha memproses maklumat diperlukan, dan kesannya semakin relevanlah ujaran itu. Sebaliknya, jika terlalu sedikit kesan konteks diperoleh, maka semakin tinggilah usaha untuk memproses maklumat, dan kesannya semakin tidak relevanlah ujaran itu.

Konteks merupakan seberkas andaian yang boleh wujud dalam situasi mental mahupun yang diperoleh daripada persekitaran yang sebenarnya. Oleh sebab keterlibatan konteks mental dan juga persekitaran penting dalam interpretasi ujaran, maka konteks dibina secara psikologi oleh pendengar (Hashim Musa dan Ong Chin Guan, 1998:94). Konteks tidak hanya terhad kepada maklumat tentang persekitaran fizikal yang paling dekat, ujaran yang terdahulu yang paling hampir, tetapi melibatkan juga masa depan, hipotesis saintifik atau kepercayaan agama, kenangan lucu, andaian am tentang budaya dan kepercayaan terhadap pemikiran si penutur (Sperber dan Wilson, 1999:26).

Kesan konteks merupakan andaian awal yang ada pada pendengar/pembaca tentang maklumat yang relevan dengan diri pendengar/pembaca itu. Sesuatu ujaran akan dianggap menjadi lebih relevan, jika ujaran itu mempunyai lebih banyak kesan konteks. Dalam sesuatu perbualan, pendengar akan menggabungkan atau memperkuat atau menggugurkan konteks yang ingin dikaitkan oleh penutur dengan andaian awal yang sedia ada untuk menghasilkan kesan konteks. Usaha memproses merupakan proses seseorang pendengar/pembaca untuk memahami apa-apa yang sedang dikomunikasikan. Semakin rendah kos memproses, maka semakin relevanlah ujaran itu (Nor Hashimah Jalaluddin, 1995).

Bagi teori Transformasi Generatif (seterusnya TG) pula, ayat itu mempunyai dua tahap representasi, iaitu representasi dasar dan representasi terbitan. Ayat terbitan ialah ayat yang telah mengalami proses transformasi yang diterbitkan daripada ayat dasar. Menurut Ramli Haji Salleh (2000), dalam sesuatu bahasa itu terdapat pelbagai rumus transformasi. Secara amnya, setiap binaan ayat mempunyai rumus transformasi khusus untuk menerbitkan binaan tersebut. Di bawah ini ditunjukkan secara ringkas contoh

rumus transformasi yang berlaku dalam bahasa Melayu, sebagaimana yang telah dianalisis oleh Ramli Haji Salleh (2000:103). Contoh:

1. a. Saya melemparkan buku itu ke luar.
- b. Saya melemparkan ke luar buku itu.

Ayat (1a) merupakan ayat struktur dasar, manakala ayat (1b) merupakan ayat terbitan atau transformasi yang diterbitkan daripada ayat (1a) melalui proses transformasi kata preposisi. Sehubungan dengan itu, transformasi kata preposisi merupakan satu rumus yang memindahkan satu konstituen dari tempat asalnya ke tempat baharu. Kata preposisi *ke luar* telah berpindah tempat dari nodus frasa preposisi ke sebelah kanan kata kerja, dan secara langsung telah memisahkan KKT dengan objeknya. Proses transformasi yang berlaku pada kata preposisi turut berlaku pada kata keterangan (*semula/kembali*) yang di peringkat struktur dasarnya berada selepas objek telah berpindah ke posisi selepas KKT.

## PEMISAHAN KKT MEN-KAN DENGAN OBJEK

Berdasarkan data yang dijana daripada data korpus berkomputer, didapati bahawa sekurang-kurangnya terdapat dua jenis unsur kata yang boleh memisahkan KKT dengan objeknya, iaitu unsur kata sendi nama dan kata keterangan. Kehadiran setiap unsur ini di dalam ayat akan dibincangkan secara mendalam dalam perbincangan seterusnya.

### Struktur meN - kan + KSN + Objek

Salah satu unsur yang boleh memisahkan KKT dengan objek ialah KSN seperti kata *mengenai* dan *tentang*<sup>2</sup>. Dari segi tatabahasa, kehadiran KSN *mengenai* atau *tentang* di antara KKT dengan objek menyalahi rumus KKT (Asraf,1989:174).

Menurut Nik Safiah Karim *et al.* (1997:378), unsur keterangan dalam frasa kerja terdiri daripada unsur yang berfungsi untuk menerangkan lagi kata kerja itu. Berdasarkan pendapat beliau, KSN *tentang* atau *mengenai* hadir selepas kata kerja jika kata kerja itu ialah kata kerja tak transitif. Sila lihat contoh yang berikut:

2. a. Dia berbicara tentang hal itu.

<sup>2</sup> Kajian ini hanya membincangkan KSN ‘tentang’ dan ‘mengenai’ sahaja. KSN lain tidak akan dibincangkan.

- b. Mereka berbincang tentang masalah negara.

(Sumber: Nik Safiah *et al.*, 1997:264)

Sebaliknya, jika kata kerja itu ialah KKT, KSN *tentang* atau *mengenai* harus hadir selepas objek. Dengan kata lain, KSN *tentang* atau *mengenai* tidak boleh hadir sejurus selepas KKT kerana kehadirannya memisahkan KKT dengan objeknya. Sila lihat contoh di bawah (Nik Safiah *et al.*, 1997: 378).

3. Kerajaan mengeluarkan kenyataan tentang kenaikan gaji.

Rumusan yang diberikan oleh Nik Safiah *et al.* (1997) itu ada kebenarannya seperti yang digambarkan oleh contoh-contoh ayat yang dijana daripada data korpus.

4. Contoh ayat daripada data korpus berkomputer.

4724 Kedua-dua akhbar juga mengetengahkan berita mengenai kes mahk BHLR45  
· 5397 “ katanya. Beliau turut mengingatkan ibu bapa mengenai bahaya BHLR49  
3620 t selepas itu. Kita sedang menjalankan siasatan mengenai punca se BHLR37  
1171 erhadap Pejabat Tanah bagi mengesahkan dakwaan mengenai wang sogo BHLR10  
1085 usia. “Kita tidak harus mengetepikan pengajian mengenai sains, BHLR10

Data di atas selari dengan rumusan *Tatabahasa Dewan* (Nik Safiah *et al.*, 1997), iaitu KSN *tentang/mengenai* hadir selepas objek. Walau bagaimanapun, penjanaan data korpus berkomputer turut memaparkan fenomena kehadiran KSN *tentang/mengenai* sejurus selepas KKT. Fenomena ini bertentangan dengan peraturan binaan KKT oleh *Tatabahasa Dewan*.

5. Contoh ayat daripada data korpus berkomputer.

7608 inci mana mungkin saya nak menjelaskan tentang Malaysia dan saya BHLR63  
2492 dan cenderamata. Beliau membincangkan mengenai retorik sains da BHLR24  
6475 DA siri lalu, ruangan ini membicarakan mengenai watak utama iait BHLR56  
5654 uran sendiri ada ayat yang menjelaskan mengenai hal ini. Firman BHLR51  
5725 in, seseorang yang hendak membicarakan mengenai al-Quran mestil BHLR51  
5274 iri yang lalu penulis ada membicarakan mengenai tema dan persoal BHLR48  
1302 YO, Rabu - Jepun dijangka membincangkan mengenai cadangan Perjanji BHLR12  
7121 mikian. Apabila Cikgu Amir mengumumkan tentang cuti penggal ketig BHLR60  
7120 gembira bila pihak sekolah mengumumkan tentang hari cuti sekolah BHLR60  
5513 Al-Haitami dalam fatwanya menjelaskan mengenai orang yang bernia BHLR50

Paparan data (4) dan (5) di atas jelas menunjukkan bahawa struktur meN-kan + KSN (*mengenai/tentang*) boleh menghasilkan dua struktur, iaitu

HUBUNGAN OBJEK DAN KATA KERJA TRANSITIF MEN-...-KAN: ANALISIS DATA KORPUS

(i) meN-kan + Objek 1 + KSN + Objek 2, dan (ii) meN-kan + KSN + Objek 1 seperti yang dapat ditunjukkan dalam jadual di bawah.

6. Struktur meN-kan + Objek 1 + KSN + Objek 2.

| KKT            | OBJEK 1   | KSN      | OBJEK 2       |
|----------------|-----------|----------|---------------|
| mengeluarkan   | kenyataan | tentang  | kenaikan gaji |
| mengetengahkan | berita    | mengenai | kes mahkamah  |
| mengingatkan   | ibu bapa  | mengenai | bahaya snek   |
| menjalankan    | siasatan  | mengenai | punca         |
| mengesahkan    | dakwaan   | mengenai | wang sogokan  |
| mengetepikan   | pengajian | mengenai | sains         |

7. Struktur meN-kan + KSN + Objek 1.

| KKT           | KSN      | OBJEK 1  |
|---------------|----------|----------|
| Menjelaskan   | tentang  | Malaysia |
| Membicarakan  | mengenai | watak    |
| Menjelaskan   | mengenai | hal      |
| Membicarakan  | mengenai | al-Quran |
| Membicarakan  | mengenai | tema     |
| Membincangkan | mengenai | cadangan |
| Membincangkan | mengenai | retorik  |
| Mengumumkan   | tentang  | cuti     |
| Mengumumkan   | tentang  | hari     |
| Menjelaskan   | mengenai | orang    |

Berdasarkan contoh-contoh yang diberikan, beberapa ciri umum morfosintaksis ayat tersebut dapat dikesan, iaitu:

- a. Kesemua kata dasar yang mendasari KKT dalam Jadual 7 di atas merupakan kata yang berkaitan dengan pemberitahuan maklumat, sama ada melibatkan pengucapan lisan atau tanpa lisan. Kata dasar yang tidak

melibatkan pengucapan, tidak boleh berstruktur meN-kan + KSN (*mengenai/tentang*) + Objek, misalnya:

3620 t selepas itu. Kita sedang [menjalankan]<sub>KKT</sub> [siasatan]<sub>OBJ1</sub> [mengenai]<sub>KSN</sub> [punca]<sub>OBJ2</sub> se BHLR37

"Bagaimanapun, api berjaya dikawal kira-kira 20 minit selepas itu. Kita sedang \*\*menjalankan\*\* siasatan mengenai punca sebenar kejadian," katanya.

Jika data 3620, berstruktur meN-kan + KSN (*mengenai/tentang*) + Objek, maka struktur tersebut tidak gramatis. Struktur yang akan terhasil ialah:

\* ... [menjalankan mengenai punca] ...

- b. Dalam kedua-dua struktur di atas, terdapat objek sebagai penyambut. Bezanya, struktur 1 mempunyai dua objek, manakala struktur 2 hanya memiliki satu objek. Struktur 1 mempunyai maklumat umum dan maklumat khusus, manakala struktur 2 hanya mempunyai maklumat khusus. Struktur 2 terhasil apabila KKT merujuk terus kepada maklumat khusus, maka maklumat umum tidak perlu dinyatakan. Oleh itu, struktur meN-kan + KSN + Objek hanya berlaku apabila struktur tersebut mempunyai satu maklumat sahaja.

### Struktur meN-kan + Kata Keterangan (*semula/kembali*) + Objek

Satu lagi perilaku morfosintaksis imbuhan meN-kan ialah mengambil kata keterangan<sup>3</sup> selepas KKT, dan kemudian diikuti oleh objek sebagai penyambut. Binaan ini akan menghasilkan struktur meN-kan + Kata Keterangan + Objek. Ini bermakna, kata keterangan telah hadir untuk memisahkan KKT dengan objek. Keadaan ini sudah tentulah bertentangan dengan pendapat penahu-penahu bahasa Melayu, iaitu setiap KKT mestilah berstruktur KKT + objek.

Menurut Nik Safiah Karim *et al.* (1997), kata keterangan atau adverba merupakan bentuk kata yang berfungsi menerangkan kata kerja dalam predikat. Ini bermakna kata keterangan wajar hadir selepas KK untuk melaksanakan fungsinya sebagai penerang kata kerja. Bagi kata kerja tak transitif, hal ini tidak menimbulkan masalah kerana kata kerja tak transitif tidak memerlukan objek. Oleh itu, kata keterangan boleh hadir selepas kata

3 Kajian ini hanya membincangkan kata keterangan semula dan kembali sahaja. Kata keterangan lain tidak akan disentuh.

kerja tak transitif. Bagaimanapun bagi KKT, hal ini akan mendatangkan permasalahan kerana setiap KKT wajib diikuti oleh objek. Definisi kata keterangan oleh Nik Safiah Karim *et al.* (1997) seperti yang telah dinyatakan di atas, sudah tentu bertentangan dengan rumus KKT kerana kata keterangan wajib berada selepas KKT.

Sehubungan dengan itu, persoalan yang timbul adalah, di manakah kata keterangan wajar berada dalam ayat aktif transitif? Adakah selepas KKT atau selepas objek? Jika kata keterangan berada selepas KKT, tentulah ini menyalahi peraturan KKT. Sebaliknya, jika kata keterangan berada selepas objek, maka kata keterangan tersebut akan berfungsi sebagai penerang kepada ayat dan bukannya kepada kata kerja. Struktur meN-kan + Kata Keterangan ini telah menimbulkan persoalan pertentangan rumus KKT dan kata keterangan.


Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, rumus KKT yang diberikan oleh kesemua penahu bahasa Melayu ialah setiap KKT wajib diikuti oleh objek, iaitu wajib berstruktur meN-kan + Objek. Manakala rumus bagi kata keterangan pula ialah bentuk kata yang berfungsi untuk menerangkan KK (Nik Safiah Karim *et al.* 1997). Secara binaannya, ia wajar berstruktur meN-kan + Objek + Kata Keterangan. Persoalannya, yang mana satukah rumus di atas yang paling tepat? Analisis morfosintaksis di bawah ini akan menghuraikan permasalahan tersebut. Sebelum itu, sila perhatikan contoh data berstruktur meN-kan + Kata Keterangan + Objek di bawah:

8. 7847 ahun lalu - diharap dapat mencambahkan semula kemeriahan yang hi BHLR64  
2980 erbelas ribu ringgit untuk mendapatkan kembali haknya di lot tana BHLR30  
5302 k sebagai pemangkin untuk menghidupkan semula kesedaran budaya M BHLR49  
5249 t zaman ini diharap dapat mengingatkan kembali sumbangan dan jas BHLR48  
384 n masalah hutang bank dan menghidupkan kembali kelab yang dibata BHLR38  
6002 lah, bermaaf-maafan boleh menghidupkan semula kemesraan. Walau BHLR53  
2712 n mendapat bukti jelas dan memberikan kembali hak ke atas pulau BHLR27  
2548 akan terbaru Pyongyang itu menegangkan semula konflik di Semenanji BHLR25

Berdasarkan data di atas, didapati bahawa struktur meN-kan + Kata Keterangan + Objek, mempunyai beberapa ciri yang tersendiri. Ciri-ciri tersebut ialah:

- (i) Kata keterangan *semula* dan *kembali* yang hadir selepas KKT, berlaku akibat proses transformasi dari kanan ke kiri. Menurut Hashim Haji Musa (1990) dan Ramli Hj. Salleh (1996), transformasi dari kiri ke kanan berlaku dalam bahasa Melayu. Pergerakan kata keterangan *semula* dan *kembali* dari kedudukan selepas objek ke kedudukan selepas


KKT dapat dilihat melalui data 2980 yang berlaku melalui proses seperti yang berikut:

9. [mendapatkan  haknya kembali]


Transformasi kata keterangan dari kanan ke kiri dapat dilihat dengan lebih jelas lagi melalui rajah pohon seperti yang berikut:

10. Data 2980 [mendapatkan kembali haknya]

a.



b.



Rajah pohon di atas jelas menunjukkan bahawa struktur meN-kan + Kata Keterangan + Objek terhasil akibat daripada proses transformasi. Kata keterangan *kembali* boleh berubah kedudukan, iaitu dari kedudukan selepas objek ke kedudukan selepas KKT *mendapatkan*. Dalam hal ini, proses

transformasi bagi kata keterangan *semula* berlaku sama seperti kata keterangan *kembali*.

- (ii) Struktur meN-kan + Kata Keterangan + Objek berlaku jika KKT tersebut menunjukkan perbuatan berulangan atau lebih daripada sekali. Ini menunjukkan sekurang-kurangnya terdapat perbuatan pertama dan perbuatan kedua. Antara perbuatan pertama dengan perbuatan kedua, terdapat satu perbuatan kontra (*positif/negatif*) yang menjadi penyebab kepada berlakunya perbuatan kedua. Namun, perbuatan pertama dan perbuatan kontra tidak dinyatakan secara tersurat di dalam teks. Bagi memahami perkaitan antara perbuatan pertama, perbuatan kontra dan perbuatan kedua, pembaca perlu melihat ke arah konteks di luar teks, misalnya:

11. 625 akyat Malaysia amnya untuk **merapatkan kembali saf** tanpa mengira BHLR59

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengulas kenyataan Howard itu berkata: "Ceroboh bererti perang." Di satu sudut lain, ini adalah isyarat kecemasan pada rakyat Malaysia amnya untuk **merapatkan kembali saf** tanpa mengira agama, bangsa dan fahaman politik.

Berdasarkan data di atas, frasa *merapatkan kembali saf* bermaksud perbuatan mengeratkan kembali perpaduan (*saf*). Penggunaan kata keterangan *kembali* menandakan terdapatnya perbuatan pertama, perbuatan kontra dan perbuatan kedua untuk mengeratkan perpaduan. Misalnya, perbuatan pertama (*mengeratkan perpaduan*) berlaku semasa Tanah Melayu menuntut kemerdekaan. Perbuatan kontra (*merengangkan perpaduan*) menyebabkan berlakunya perpecahan kaum. Manakala perbuatan kedua (*mengeratkan kembali perpaduan*) adalah pada masa kini akibat ancaman kuasa luar.

- (iii) Kekangan bagi struktur meN-kan + Kata Keterangan + Objek ialah KKT yang tidak menunjukkan perbuatan berulangan ke atas objek, tidak boleh berstruktur meN-kan + Kata Keterangan. Contoh:

12. a. \* mematikan kucing itu.  
b. \* mematikan kembali kucing itu.

KKT *mematikan* hanya boleh berlaku sekali sahaja ke atas objek bernyawa yang sama. Oleh itu, KKT *mematikan* tidak boleh diikuti oleh kata keterangan *kembali*.

Bagaimanapun, bagi objek yang tidak bernyawa seperti enjin kereta atau suis elektrik yang boleh dihidupkan dan dimatikan (berlaku secara berulang), maka kata keterangan *kembali/semula* boleh digunakan. Misalnya:

13. a. mematikan enjin kereta itu.  
b. mematikan semula enjin kereta itu.
14. Contoh data:

5149 Dia juga yang menghidupkan dan mematikan manusia. Perkara yang Allah BHLR48

Dalam data di atas, KKT *mematikan* tidak boleh diikuti oleh kata keterangan *kembali/semula* kerana KKT tersebut tidak memiliki perbuatan kontra dan perbuatan kedua. Proses ini boleh diuji seperti yang berikut:

- |                       |   |                                    |
|-----------------------|---|------------------------------------|
| (i) Perbuatan pertama | : | [mematikan manusia]                |
| (ii) Perbuatan kontra | : | [menghidupkan manusia]             |
| (iii) Perbuatan kedua | : | [mematikan <u>kembali</u> manusia] |

Berdasarkan analisis morfosintaksis di atas, suatu generalisasi yang boleh dibuat berdasarkan struktur meN-kan + Kata Keterangan + Objek ialah struktur ini berlaku akibat proses transformasi kata keterangan dari kedudukan selepas objek ke kedudukan selepas KKT.

### Saran Penyelesaian: Analisis Teori Relevans

Dalam perbincangan seterusnya, penulis akan menggunakan teori Relevans untuk menghuraikan dan menjelaskan kedua-dua struktur yang melibatkan pemisahan KKT dengan objeknya, iaitu (i) meN-kan + KSN + Objek, dan (ii) meN-kan + Kata Keterangan + Objek. Bagi kes yang pertama, rumusan morfosintaksis (7a, b) di atas telah menjelaskan ciri-ciri struktur meN-kan + KSN (*mengenai/tentang*) + Objek. Binaan meN-kan + KSN berlaku dalam dua struktur, iaitu dengan dua objek dan satu objek (lihat 6 dan 7). Dari sudut analisis teori Relevans, objek satu dan objek dua memainkan peranan yang penting dari segi menyatakan maklumat serta bagi tujuan penguatan maklumat.

Dalam Jadual 6, struktur yang wujud ialah meN-kan + Objek 1 + KSN + Objek 2. Dalam struktur ini terdapat dua objek, iaitu objek 1 dan objek 2. Dalam teori Relevans, objek 1 merupakan maklumat awal atau maklumat umum yang dinyatakan oleh penulis kepada pembaca. Seterusnya, objek 2

pula merupakan maklumat khusus yang akan membantu para pembaca memahami maksud yang ingin disampaikan. Ini bermakna objek 2 berfungsi sebagai pelengkap maklumat. Hal ini penting dalam proses penguatan maklumat. Justeru, dalam struktur meN-kan + Objek 1 + KSN + Objek 2 merupakan struktur yang memiliki maklumat umum (Objek 1) dan maklumat khusus (Objek 2). Misalnya:

15. 4724 Kedua-dua akhbar juga [mengetengahkan]<sub>KKT</sub> [berita]<sub>OBJ1</sub>  
[mengenai]<sub>KSN</sub> [kes mahk]<sub>OBJ2</sub> BHLR45

Kedua-dua akhbar juga **\*\*mengetengahkan\*\* berita mengenai kes mahkamah** **\*\*memababitkan\*\* sekumpulan lebih 500 orang, rata-rata berketurunan India, yang ditipu skim cepat kaya di Johor Bahru, tidak lama dulu.**

1171 erhadap Pejabat Tanah bagi [mengesahkan]<sub>OBJ1</sub> [dakwaan]<sub>OBJ2</sub> [mengenai]<sub>KSN</sub>  
[wang]<sub>OBJ2</sub> sogo BHLR10

Bagaimanapun beliau bersetuju sekiranya BPR melakukan penyiasatan terhadap Pejabat Tanah bagi **\*\*mengesahkan\*\* dakwaan mengenai wang sogokan** itu benar atau tidak.

Dalam data 4724, KKT *mengetengahkan* sama maksudnya dengan perbuatan mengemukakan sesuatu. Pembaca telah diberi maklumat awal selepas KKT, iaitu berita. Berita merupakan maklumat awal yang bersifat umum. Ini kerana pembaca masih tidak dapat memahami maksud sebenar kerana berita boleh terdiri daripada pelbagai hal. Justeru, bagi mengkhususkan lagi maklumat umum tersebut, pembaca perlu diberi satu lagi maklumat, iaitu maklumat khusus. Dalam hal ini, maklumat khusus tersebut ialah *kes mahkamah*. Keadaan ini akan mewujudkan proses penguatan maklumat, iaitu daripada maklumat umum kepada maklumat khusus yang lebih lengkap. Ini seterusnya akan menimbulkan kesan konteks kepada pembaca.

Bagi data 1171, KKT *mengesahkan* bermaksud perbuatan memperakuan sesuatu. KKT *mengesahkan* melibatkan dua maklumat, iaitu maklumat umum dan maklumat khusus. Maklumat umum yang dinyatakan selepas KKT ialah dakwaan. Dakwaan diklasifikasikan sebagai maklumat umum kerana dakwaan atau tuduhan mempunyai beribu-ribu bentuk dakwaan atau tuduhan. Maklumat umum ini akan menyebabkan pembaca membuat pelbagai andaian awal. Oleh itu, maklumat khusus perlu dinyatakan supaya maksud yang ingin disampaikan menjadi lebih jelas. Maklumat khusus yang diberikan bagi melengkapkan maklumat umum ialah *wang sogokan*.

Dalam prinsip Relevans, terdapat konsep penguatan maklumat, iaitu

bermula daripada maklumat umum kepada maklumat khusus. Hal ini akan membolehkan berlakunya proses penguatan maklumat. Oleh itu, objek 1 merupakan maklumat umum, manakala objek 2 pula merupakan maklumat khusus. Dalam struktur di atas, maklumat umum dan maklumat khusus disambung oleh KSN *mengenai/tentang*. Jadi, KSN *mengenai/tentang* berfungsi untuk menyambungkan maklumat umum kepada maklumat khusus. Yang penting dalam hal ini ialah wujudnya keseimbangan konteks antara penulis dengan pembaca berkaitan dengan maklumat umum dan maklumat khusus. Justeru, kesimpulan yang boleh dibuat berdasarkan struktur meN-kan + Objek 1 + KSN + Objek 2 ialah kewujudan konsep maklumat umum (Objek 1) dan maklumat khusus (Objek 2). Kedua-dua maklumat tersebut harus relevan antara satu sama lain supaya pembaca atau pendengar dapat memahami maksud yang ingin disampaikan.

Analisis di atas telah melibatkan dua maklumat, iaitu maklumat umum dan maklumat khusus. Kerelevan maklumat umum dan maklumat khusus dalam struktur meN-kan + Objek 1 + KSN + Objek 2, telah menghasilkan struktur yang selaras dengan pendapat *Tatabahasa Dewan* (Nik Safiah *et al.*, 1977). Walau bagaimanapun, bagi struktur 2, iaitu meN-kan + KSN + Objek seperti dalam contoh (7) bercanggah dengan *Tatabahasa Dewan*.

Berdasarkan contoh (7), struktur yang wujud ialah meN-kan + KSN + Objek. Struktur ini berbeza dengan struktur pertama, iaitu hanya memiliki satu objek sahaja, dan ini bermakna struktur tersebut hanya memiliki satu maklumat sahaja. Persoalannya, apakah taraf maklumat tersebut? Adakah sebagai maklumat umum atau maklumat khusus? Analisis di bawah ini akan menghuraikan taraf maklumat yang berkenaan. Sila perhatikan data di bawah ini:

16. 6475 DA siri lalu, ruangan ini [membicarakan]<sub>KKT</sub> [mengenai]<sub>KSN</sub> [watak utama]<sub>OBJ</sub> iaitu BHLR56

Kamaruzaman Abdullah PADA siri lalu, ruangan ini **\*\*membicarakan\*\* mengenai watak** utama iaitu Aku (Hana) dalam cerpen Aku, Kris dan Kristal, hasil tulisan Dima Mazlina.

7120 gembira bila pihak sekolah [mengumumkan]<sub>KKT</sub> [tentang]<sub>KSN</sub> [hari cuti sekolah]<sub>OBJ</sub> BHLR60

Farid dan kawan-kawan sedarjahnya **\*\*melahirkan\*\* rasa** yang terlalu gembira bila pihak sekolah **\*\*mengumumkan\*\* tentang hari cuti** sekolah penggal ketiga yang akan bermula pada tarikh 14 November, hari Sabtu.

Dalam data 6475, KKT *membicarakan* bermakna memperkatakan sesuatu. KKT tersebut sepatutnya memerlukan objek 1 atau maklumat umum. Namun, struktur dalam data di atas tidak diikuti oleh objek 1, sebaliknya diikuti terus oleh objek 2. Keadaan ini menunjukkan bahawa maklumat umum (objek 1) tidak terdapat dalam ayat tersebut. Secara tidak langsung, ini bermakna pembaca tidak diberi maklumat umum sebaliknya terus diberi maklumat khusus. Kehadiran KSN berfungsi untuk menyambung KKT dengan maklumat khusus.

Begitu juga dengan data 7120 yang menunjukkan bahawa maklumat umum selepas KKT tidak dibekalkan kepada pembaca. Dalam data 7120, KKT *mengumumkan* bermaksud perbuatan mengisyiharkan sesuatu. KSN *tentang* berfungsi untuk menerangkan KKT dan seterusnya merujuk terus kepada objek yang merupakan maklumat khusus.

Dalam data 6476 dan 7120, pembaca tidak diberi maklumat umum sebaliknya terus diberi maklumat khusus. Keadaan ini berlaku kerana kata dasar yang mendasari KKT tersebut merupakan kata dasar yang menunjukkan pengucapan seperti *membicarakan* dan *mengumumkan*. Hal ini seumpama kedua-dua pihak, iaitu penutur dan pendengar berkomunikasi secara terus sehingga menyebabkan kedua-dua pihak dapat membina keseimbangan konteks yang amat jelas tentang perkara yang sedang diperkatakan itu. Keseimbangan konteks yang wujud antara kedua-dua pihak mengakibatkan maklumat umum yang tidak penting itu digugurkan. Pengguguran maklumat umum berlaku kerana penutur/penulis mengandaikan bahawa pendengar/pembaca dapat memahami apa-apa yang sedang diperkatakan melalui keseimbangan konteks. Hal inilah yang memungkinkan penutur atau penulis menggugurkan maklumat umum yang tidak penting itu, sebaliknya penutur/penulis terus mengemukakan maklumat khusus. Perkaitan ini dapat dilihat melalui contoh seperti yang berikut:

### 17. Pengguguran Maklumat Umum.

| KKT           | OBJEK 1 | KSN      | OBJEK 2 |
|---------------|---------|----------|---------|
| membincangkan | tajuk   | mengenai | retorik |
| membincangkan | Ø       | mengenai | retorik |

Contoh (17) di atas jelas menunjukkan bahawa struktur meN-kan + KSN + Objek berlaku akibat pengguguran maklumat umum. Maklumat umum (*tajuk*) tidak perlu dinyatakan oleh penutur/penulis kerana pendengar/

pembaca dapat membina keseimbangan konteks tentang maklumat umum yang telah digugurkan itu. Struktur ini akan menyebabkan kos memproses menjadi rendah kerana pembaca tidak perlu memproses dua maklumat sekali gus, sebaliknya terus diberi maklumat yang tepat (objek 2). Selain itu, penulis juga mengandaikan bahawa setiap pembaca mempunyai catatan ensiklopedia berkaitan dengan maklumat umum yang telah digugurkan. Anggapan penulis ialah pembaca dapat meramalkan sebarang maklumat umum yang telah ditiadakan.

Dalam konteks berkomunikasi, seseorang penulis akan cuba menyampaikan sesuatu maklumat kepada pembaca. Bagi menimbulkan kesan konteks, penulis akan cuba menyampaikan maklumat setepat yang mungkin supaya pembaca dapat memahami mesej yang ingin disampaikan dengan mudah dan tepat. Hal ini akan menimbulkan kesan konteks yang semaksimum mungkin. Dalam hal ini, bagi menimbulkan kesan konteks, penulis akan menggugurkan maklumat-maklumat umum dengan tujuan mengurangkan kos memproses maklumat. Hal ini, seterusnya akan menyebabkan berlakunya proses pengguguran maklumat, iaitu pengguguran maklumat umum yang disifatkan sebagai tidak penting. Maklumat umum tersebut juga mungkin telah tersimpan dalam catatan ensiklopedia pembaca dan ini menyebabkan pembaca masih dapat memahami apa-apa yang ingin disampaikan oleh penulis.

Satu rumusan penting yang boleh dibuat berdasarkan struktur meN-kan + KSN (mengenai/tentang) + Objek ialah struktur ini boleh terhasil jika kata dasar yang mendasari KKT tersebut terdiri daripada KK yang melibatkan pengucapan atau pemberitahuan maklumat. KKT yang menunjukkan perbuatan pengucapan tidak memerlukan maklumat umum (objek1) kerana maklumat ini telah tersedia di dalam ensiklopedia pembaca. Lantaran itu, memadailah KKT itu diikuti KSN dan seterusnya diikuti oleh maklumat khusus (objek).

Seterusnya, kita akan meneliti pula bagaimana teori Relevans menangani struktur meN-kan + Kata Keterangan + Objek. Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam ciri kedua tentang struktur ini, kata keterangan *kembali/semula* hadir selepas KKT bagi menyatakan perbuatan yang berlaku secara berulang. Ini bermakna setiap KKT yang menggunakan kata keterangan *kembali/semula*, pasti mempunyai perbuatan pertama, perbuatan kontra dan perbuatan kedua. Analisis teori Relevans di bawah ini akan membuktikan perihal tersebut. Sebelum itu, sila lihat contoh data yang berikut:

18. 625 akyat Malaysia amnya untuk \*\*merapatkan\*\* kembali saf tanpa mengira BHLR59

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengulas kenyataan Howard itu berkata: "Ceroboh bererti perang." Di satu sudut lain, ini adalah isyarat kecemasan pada rakyat Malaysia amnya untuk \*\*merapatkan\*\* kembali saf tanpa mengira agama, bangsa dan fahaman politik.

Data di atas menunjukkan terdapatnya perilaku imbuhan meN-kan yang mengambil kata keterangan sebelum kehadiran objek. Kata keterangan seperti *kembali* dan *semula*, memberikan keterangan waktu tentang KKT tersebut yang mempunyai hubung kait yang rapat dengan objek. Tanpa penggunaan kata keterangan, makna dari segi bukan linguistik tidak dapat diperjelas dengan tepat dan diberikan penegasan yang sewajarnya.

Teori Relevans yang menekankan konteks boleh diaplikasikan, terutama yang berkaitan dengan penjelasan masa dan unsur penegasan terhadap KK ke atas objek. Dalam mengaitkan kata keterangan sebagai aspek penjelasan masa, pembaca perlu melihat atau menghubungkaitkannya dengan konteks yang terdapat di luar teks itu sendiri. Ini bermakna, pembaca perlu mempunyai pengalaman lampau, pengetahuan sejarah dan mengetahui isu-isu semasa supaya dapat mengaitkan penggunaan kata keterangan dengan konteks yang terdapat di luar teks.

Dalam data tersebut, pembaca perlu membina konteks dengan melihat ke arah persekitaran. Maklumat awal telah diberikan oleh penulis, iaitu berkaitan dengan ancaman daripada Australia untuk menceroboh mananya negara Asia Tenggara untuk mencari dan menangkap pengganas. Maklumat seterusnya ialah Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed meminta rakyat Malaysia merapatkan kembali perpaduan bagi menghadapi sebarang ancaman.

Penggunaan kata keterangan *kembali* perlulah diproses oleh pembaca dengan mengaitkan peristiwa-peristiwa yang pernah berlaku di Malaysia yang ada hubung kait dengan aspek perpaduan rakyat Malaysia. Berkaitan dengan perpaduan, rakyat Malaysia telah melalui saat manis dan pahit sepanjang menuntut kemerdekaan sehingga ke hari ini. Bagi merujuk peristiwa-peristiwa yang berlaku semenjak Malaysia menuntut kemerdekaan sehingga ke hari ini, pembaca perlu menggunakan catatan ensiklopedia untuk dikaitkan dengan kata keterangan *kembali*. Penggunaan kata keterangan *kembali* dalam data di atas, bermaksud rakyat Malaysia pernah bersatu padu, tetapi beberapa kekangan telah menyebabkan perpaduan itu goyah. Justeru, penggunaan perkataan *kembali* bermaksud meminta rakyat Malaysia bersatu padu seperti yang pernah dilakukan oleh mereka pada suatu masa dahulu.

Dalam hal ini, pembaca perlu mengaitkan fakta-fakta sejarah yang pernah berlaku yang tidak dijelaskan dalam teks itu. Terdapat beberapa peristiwa yang membuktikan rakyat Malaysia pernah bersatu padu. Dari segi sejarahnya, rakyat Malaysia yang terdiri daripada kaum Melayu, Cina dan India pernah bersatu hati (perbuatan 1: merapatkan perpaduan) untuk mendapatkan kemerdekaan daripada Inggeris pada 31 Ogos 1957. Perpaduan yang dikecapi antara kaum di Malaysia menjadi goyah akibat peristiwa 13 Mei 1969 telah menjadikan hubungan antara kaum Melayu dengan Cina menjadi renggang (perbuatan kontra: perpecahan kaum). Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah tersebut termasuklah menyeru rakyat merapatkan kembali perpaduan (perbuatan 2: merapatkan kembali perpaduan).

Sehingga ke hari ini, perpaduan di Malaysia walaupun ditakrifkan sebagai baik, masih belum sampai ke tahap semangat yang ditunjukkan oleh mereka sebelum mencapai kemerdekaan. Justeru, setelah pembaca menggunakan konteks di luar teks, maka penggunaan kata keterangan *kembali* menjadi sangat relevan untuk menjelaskan keterangan masa dan penegasan terhadap perbuatan merapatkan perpaduan antara kaum. Kesimpulannya, dengan menggunakan kata keterangan, penulis tidak perlu memaparkan semua peristiwa, sebaliknya dengan berbekalkan konteks di luar teks, pembaca masih dapat memahami mesej dengan tepat dan jelas. Yang penting ialah pembaca perlu menggunakan pengetahuan atau pengalaman lampau yang merupakan catatan ensiklopedia untuk menginteraksikan antara perbuatan pertama, perbuatan kontra dan perbuatan kedua. Jika hal ini dapat diselaraskan dalam minda pembaca, maka ia akan menimbulkan kesan konteks.

Dalam perbincangan seterusnya, kita meneliti pula data (19) di bawah yang juga menunjukkan fenomena yang sama.

19. 2548 akan terbaru Pyongyang itu **menegangkan** semula konflik di Semenanj BHLR25

Agensi berita rasmi Korea Utara (KCNA), **melaporkan** Pyongyang sudah **memindahkan** penutup dan kamera pengawasan daripada loji yang ditutup itu dengan alasan menyambung semula pengeluaran tenaga. Tindakan terbaru Pyongyang itu **menegangkan** semula konflik di Semenanjung Korea sehingga memaksa Setiausaha Negara Amerika Syarikat (AS), Colin Powell menelefon Menteri Luar Korea Selatan, Choi Sung-Hong untuk **memastikan** kerjasama AS dan Seoul tetap utuh dalam krisis itu.

Berdasarkan data di atas, pembaca perlu menggabungkan maklumat di dalam teks dan di luar teks untuk memahami penggunaan kata

keterangan *semula* selepas KKT *menegangkan*. Penggunaan kata keterangan *semula* dalam data di atas menyalahi rumus KKT, iaitu objek wajib hadir selepas KKT. Kesalahan tersebut merupakan kesalahan dari segi linguistik, tetapi dari segi bukan linguistik, penggunaan kata keterangan *semula* memainkan peranan yang penting dari segi penegasan KK dan penjelasan masa.

Melalui data tersebut, pembaca telah dibekalkan maklumat awal, iaitu tentang konflik senjata nuklear antara Korea Utara dengan satu pihak lagi yang terdiri daripada Korea Selatan dan Amerika Syarikat. Konflik ini berlaku apabila Pyongyang memindahkan penutup dan kamera pengawasan daripada loji dan menyambung semula pengeluaran tenaga. Konflik senjata nuklear antara kedua-dua pihak bukanlah pertama kali berlaku, sebaliknya sebelum ini pernah berlaku beberapa konflik antara kedua-dua pihak tersebut. Konflik pertama kali berlaku (*perbuatan 1*) antara Korea Utara dengan Korea Selatan dan Amerika Syarikat ialah semasa Perang Korea. Hubungan Korea Utara dengan Korea Selatan dan Amerika Syarikat menjadi baik apabila kedua-dua pihak mengadakan perjanjian senjata nuklear 1994 (*perbuatan kontra*). Hubungan menjadi tegang semula apabila Korea Utara menyambung semula program senjata nuklearnya (*perbuatan 2*). Jika pembaca mengetahuinya dari sudut sejarah tentang konflik antara kedua-dua belah pihak, maka hal ini ditakrifkan sebagai satu catatan ensiklopedia yang sedia ada dalam minda pembaca.

Perihal untuk menjelaskan bahawa telah berlaku beberapa konflik antara kedua-dua belah pihak sebelum ini, penulis telah menggunakan kata keterangan *semula* selepas KKT untuk menjelaskan masa dan penegasan terhadap kata kerja. Melalui penggunaan kata keterangan *semula*, secara tidak langsung penulis telah menyelitkan beberapa peristiwa yang berkaitan dengan konflik secara tidak langsung. Peristiwa yang tidak dijelaskan secara langsung ini merupakan konteks-konteks yang berada di luar teks. Penggunaan kata keterangan *semula* telah memberikan penanda kepada ketiga-tiga peringkat peristiwa, iaitu pertamanya hubungan yang pernah tegang akibat perang (*perbuatan pertama*), keduanya, hubungan menjadi baik melalui perjanjian (*perbuatan kontra*) dan ketiganya, hubungan menjadi tegang semula akibat pelanggaran perjanjian antara kedua-dua pihak (*perbuatan kedua*). Hubungan antara ketiga-tiga peringkat peristiwa ini hanya dapat dijelaskan melalui maklumat di luar konteks. Penggunaan kata keterangan *semula* sejurus selepas KKT dapat menjelaskan hubungan antara ketiga-tiga peringkat peristiwa tersebut.

## PENUTUP

Analisis di atas telah memaparkan perilaku morfosintaksis imbuhan meN-kan yang mengambil unsur-unsur tertentu untuk memisahkan KKT dengan objeknya. Kehadiran unsur-unsur tertentu sebagaimana yang telah dibincangkan di atas, mungkin dianggap telah melanggar rumus tatabahasa. Namun dari sudut yang lain, ia mendukung fungsi-fungsi yang tersendiri. Berdasarkan data korpus berkomputer serta aplikasi teori yang berwibawa, sebarang fenomena kebahasaan dapat dijelaskan dengan lebih berpada.

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan, 1986. *Penerbitan Kata dalam Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Asmah Hj. Omar, 1993. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa, 1990. *Sintaksis Bahasa Melayu: Suatu Huraian Berdasarkan Rumus Struktur Frasa*. Kuala Lumpur: Penerbitan Nusantara.
- Hashim Musa dan Ong Chin Guan, 1998. *Pengantar Ilmu Makna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Asraf Abdul Wahab, 1989. *Petunjuk Bahasa Malaysia Baku KBSM*. Petaling Jaya: Sasbadi.
- Nik Safiah Karim *et al.*, 1997. *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 1992. *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 1995. *Bahasa Jual Beli dalam Perniagaan Runcit*. Tesis Ph.D. Universiti Malaya.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 2003. *Semantik*. Bangi: Pusat Pengajian Jarak Jauh, UKM.
- Ramli Md. Salleh, "Transformasi Datif dalam Bahasa Melayu" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. hlm. 442–450, Mei, 1996.
- Ramli Md. Salleh, 2000. *Teori Sintaksis*. Bangi: Pusat Pengajian Jarak Jauh, UKM.
- Sinclair, J.M., 1991. *Corpus, Concordans and Collocation*. New York: Oxford University Press.
- Sperber D. dan Wilson D., 1999. *Relevans: Komunikasi dan Kognisi*. Diterjemah oleh Nor Hashimah Jalaluddin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba), 1965. *Pelita Bahasa Penggal 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.